

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 5. BIL. 23

BANDAR BRUNEI, RABU, 7 DECEMBER, 1960 (18 Jemadiakhir, 1380).

PERCHUMA

LAPORAN MAJLIS MESHUARAT NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Dua usul mengenai perusahaan minyak negeri ini dan satu usul mengenai perjanjian sempadan Brunei dengan Sarawak telah di-luluskan dalam sidang Majlis Meshuarat Negeri yang berlangsung di-Lapau Diraja di-sini pada 21 November lepas.

Usul pertama telah di-kemukakan dari segi ekonomi yang berharapkan pada hasil minyak yang di-duga akan habis dalam 30 tahun lagi. Usul tersebut, di-chadangkan oleh Yang Berhormat Inche Jamil bin Umar, ahli yang di-pilih, berbunyi:

"Majlis meshuarat ini meluluskan supaya minyak yang di-dapati dalam Negeri Brunei ini di-simpan 10% sa-bagai simpanan untuk kemudian hari."

KAYA MA'MOR

Inche' Jamil berkata: "Kita tidak mahu memandangi Brunei sekarang ini yang maseh merupakan kaya raya dan ma'mor dengan kekayaan minyak-nya; tetapi kita harus memandangi negara Brunei pada 50 tahun akan datang sa-kurang2-nya, tegasnya waktu itu hasil minyak sudah berkurangan dari yang ada pada hari ini.

"Dengan tiada-nya minyak yang kita harapkan itu tentu-lah Brunei akan menempoh kemiskinan dan kemelaratan ekonominya, maka dengan sebab itu, sebelum berlaku perkara yang tidak di-ingini itu, ini-lah saya menandatangani usul yang demikian."

Beliau juga telah membayangkan apa yang telah berlaku di-England dalam tahun 1956 akibat krisis Terusan Suez, yang pada masa itu beliau sendiri menyaksikan beribu2 penganggoran berlaku di-England dan menempoh kesulitan yang amat besar, akibat tidak dapat pengiriman minyak dari Timor Tengah.

AKIBAT BUROK

"Pada hal krisis itu bukan dalam England, sudah burok akibat-nya pada penduduk2 disana. Hal yang seperti ini harus akan berlaku pada masa Brunei tiada hasil minyak-nya," tegas Inche Jamil.

Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Tuan M.D.B. Graham, telah membantah usul itu dan bertanya bagaimana-kah chara2 menyimpan minyak itu. "Ada-kah ini sa-bagai satu jalan ekonomi? Saya fikir lebih baik kita menyimpan wang dari menyimpan minyak."

Yang Berhormat Tuan P. M.

itu kita sediakan. Boleh jadi Brunei akan mempunyai kawasan tangki yang besar sa-kali dalam dunia kelak."

Beliau sa-terus-nya telah menganggarkan bahawa harga tangki yang akan di-perlukan ia-lah \$5 juta berbanding dengan minyak berharga \$2 juta yang akan di-simpan dalam tangki2 tersebut.

"Ini bererti kita akan membekukan modal kita sa-banyak \$7 juta dalam sa-tahun," kata beliau.

SADIKIT SAHAJA

Tuan Linton telah juga menegaskan bahawa harga minyak tidak akan mahal di-Brunei kerana jika di-bandingkan dengan pengeluaran minyak dunia, minyak yang di-dapati dari Seria itu hanya-lah sedikit sahaja.

Sa-bagai membantah usul itu, Inche' Ali bin Hassan berkata bahawa kalau ranchangan itu di-persetujui oleh majlis maka Kerajaan akan menggunakan perbelanjaan yang sangat banyak menurut ranchangan dari Tuan Linton itu.

Inche' Jamil telah bangun kali yang kedua sa-bagai menguatkan chadangan dan berkata: "Bukan maksud saya supaya kerajaan membuat tangki itu, tetapi tangki itu kita suroh kompeni membuat-nya."

"Untuk mengawal keseluruhan ranchangan ini undang2 mesti

di-buat mengenai perkara ini," tegas Inche' Jamil.

Yang Berhormat Inche' Marsal bin Maun ahli yang di-pilih yang telah menyokong usul itu berkata bahawa ranchangan yang seperti ini sangat baik dan berguna untuk mengatasi ekonomi Negeri Brunei pada masa akan datang.

"Ranchangan ini ada-lah untuk menjaga kema'moran negara dan mengelakkan pengangguran kepada anak2 negeri pada masa akan datang sa-kira-nya minyak tidak ada lagi dalam Brunei", kata Inche Marsal.

Yang Berhormat Pengiran (Lihat muka 3)

Linton, sa-orang ahli yang dilantek, yang juga menjadi pengarah sharikat minyak Brunei Shell, telah meminta perhatian sidang majlis untuk membincangkan bersama usul itu.

Tuan Linton berkata:

"Ranchangan untuk mengatasi kesulitan2 yang di-duga akan berlaku pada masa akan datang memang menjadi satu soal bagi negeri2 yang mengeluarkan minyak dan sudah pun di-bincangkan oleh negeri2 itu, tetapi penyelesaian belum lagi di-dapati."

13 JUTA GALLON

"Pengeluaran minyak di-Seria sekarang ia-lah 85,000 barrel sehari.

"Dengan di-simpan 10% bererti bahawa 13 juta gallon US minyak kita simpan dalam sa-tahun. Ini, saya tidak dapat mengatakan bagaimana besarnya tangki2 penyimpanan minyak

ISTIADAT MENYAMPAIKAN BINTANG



Dalam istiadat menyampaikan bintang dan darjah2 kebesaran di-Istana Darul Hana baharu2 ini 9 orang telah di-kurniakan bintang Dato Setia dan sa-orang bintang Dato Paduka. Dalam gambar ini kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra menerima bintang Dato Paduka Mahkota Brunei (D.P.M.B.) daripada Duli Yang Maha Mulia.

ANUGERAH BINTANG DARJAH KERABAT

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah menganugerahkan bintang kebesaran Darjah Kerabat, Darjah Pertama, (D.K.) kepada Yang Terutama Yang di-Pertuan Negara Singapura, Inche Yusof bin Ishak.

Bintang D.K. itu telah di-sampaikan kepada Inche Yusof oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara sa-bagai wakil Duli Yang Maha Mulia dalam satu istiadat di-Istana Negara Singapura pada 28 November lepas.

Duli Pengiran Bendahara telah di-bantu oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed dan Pehin Jawatan Luar Haji Abdullah bin Ibrahim menjalankan istiadat tersebut.

Sa-lepas istiadat Duli Pengiran Bendahara telah menyampaikan satu chendera mata kenangan lawatan Inche Yusof ka-Brunei dalam bulan September lepas.

Chendera mata itu berupa sa-buah peti rokok daripada perak perbuatan tu-kang2 perak Brunei.

Ranchangan Minggu Bahasa Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pada pertengahan bulan February tahun hadapan atau sa-lepas Hari Raya Puasa, Minggu Bahasa akan di-adakan di-seluruh negeri sa-bagai langkah menggalakkan pemakaian bahasa Melayu oleh penduduk2 negeri Brunei sa-suai dengan maksud Perlembagaan negeri Brunei.

Keputusan ini telah di-ambil oleh Jawatan Kuasa Peranchang Minggu Bahasa yang bersidang pada 26 November lepas di-pengerusikan oleh Yang Berhormat Inche' Idris bin Babji, Pegawai Pelajaran Negara.

Dasar pokok Minggu Bahasa yang akan di-adakan itu ia-lah bertujuan :

◆ Menggalakkan penggunaan dan perkembangan bahasa Melayu;

◆ Menyatakan chita2 Kerajaan menjadikan bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi di-negeri ini; dan

◆ Memberi peluang kepada penduduk2 yang bukan Melayu di-negeri ini supaya menggunakan bahasa Melayu yang di-akui menjadi bahasa rasmi di-negeri ini.

Setia Usaha Jawatan Kuasa tersebut, Inche Umar bin Muhammad berkata bahawa Minggu Bahasa yang akan di-adakan itu tidak-lah jauh perbezaannya dengan apa yang telah di-buat di-Malaya dengan mengadakan ranchangan2 yang tertentu.

Ranchangan2 untuk menjayakan Minggu Bahasa itu ia-lah:

◆ Kempen bahasa Melayu yang di-tujukan kepada semua pejabat2 kerajaan.

◆ Kempen bahasa Melayu yang menggunakan poster2 yang bertulis saperti Bahasa Jiwa Bangsa, Gunakan Bahasa Melayu dan lain2 yang di-tampalkan di-kereta2, tembok2, gudang2, perniagaan, pejabat2 dan lain2

TARIKH CHUTI SEKOLAH

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu di-seluruh Brunei akan tutup kerana kelepasan penggal akhir tahun mulai pada 17 December.

Sekolah2 itu akan di-buka semula pada 2 January hadapan.

dan di-tayangkan di-panggung2 wayang;

◆ Peraduan2 sharahan, sajak, karangan, bahath, nyanyi—yang akan di-ambil bahagian oleh lelaki dewasa Melayu dan bukan Melayu; perempuan dewasa Melayu dan bukan Melayu dan murid2 sekolah Melayu dan bukan Melayu;

◆ Mengadakan pameran buku2 Melayu;

◆ Lagu Minggu Bahasa akan di-pancharkan oleh Radio Brunei pada atau sa-belum menjelang Minggu Bahasa; dan

◆ Sandiwara yang berunsor-khan khas Minggu Bahasa akan di-adakan.

Peraduan2 tersebut akan di-adakan dari peringkat daerah kemudian baharu ka-peringkat negeri.

Sementara itu sa-buah badan Jawatan Kuasa yang bertugas untuk melaksanakan ranchangan tersebut telah di-lantek yang terdiri dari:

Bahagian kempen: Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Md. Yusuf (Pengerusi), Inche' Idris Ahmad Shah dan Yang Berhormat Inche' Hashim bin Tahir.

Bahagian peraduan: Inche' Umar bin Muhammad (Pengerusi), Pengiran Abd. Momin bin Pengiran Othman, Inche' Musib bin Chik, Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh dan Inche' Mustapha bin Yusof.

Bahagian pameran: Inche' Md. Husain bin Md. Yusuf (Pengerusi) dan Inche' Masri bin D.H. Yusuf.

Bahagian sandiwara: Inche' Yusuf Embee (Pengerusi), Inche' Abd. Wahab bin Muhammad dan Inche' Jaya bin Abd. Latif.

KAMPONG AYER SEKARANG DAPAT BEKALAN AYER

BANDAR BRUNEI. — Beberapa orang pekerja Pejabat Kerja Raya di-bawah Jurutera Ayer, Tuan M.J. Caldwell, telah berjaya membenamkan saluran ayer daripada getah melintang Sungai Brunei pada 15 November lepas.

Saloran getah yang 8 inci bulatan-nya dan 1,190 kaki panjang itu telah memberi bekalan ayer berseh kepada penduduk2 Kampong Ayer bagi kali pertama-nya.

Saloran getah itu telah di-buat khas supaya ia terapong2 bila kosong dan tenggelam jika berisi ayer. Pembuat-nya telah memberi jaminan bahawa saloran itu tahan sa-kurang2-nya 15 tahun dengan tidak payah di-jaga.

Ranchangan memberi bekalan ayer berseh kepada Kampong Ayer telah di-jalankan lebeh kurang 18 bulan dahulu dan di-jadualkan siap dalam bulan April tahun hadapan. Ia-nva di-anggarkan memakan belanja sa-banyak \$850,000.

Sa-lain dari saloran besar 8 inci itu saloran 4 dan 6 inci

bulatan-nya juga telah di-benamkan di-lain2 bahagian sungai supaya lalu lintas tidak tergendala.

Jenis saloran yang banyak sekali di-gunakan ia-lah daripada besi. Saloran besi 4, 6 dan 8 inci bulatan berjumlah 19,300 kaki panjang-nya telah di-pasang di-atas tiang2 concrete di-kawasan2 yang tohor.

Tiang2 concrete yang mendukung saloran2 besi telah di-reka supaya dapat titi2 yang kuat dibena menggantikan titi2 kayu yang tidak berapa tegap itu.

Sekarang titi sa-panjang 6,400 kaki telah di-bena untuk menghubungkan satu kampong dengan satu kampong lain di-Kampong Ayer.

Ayer di-dapati dari kolam ayer Bandar Brunei. Saloran yang 8 inci itu chukup besarnya untuk memberi bekalan ayer 12,000 orang yang di-anggarkan tinggal di-Kampong Ayer.

Tetapi ayer dari saloran itu mengalir atas kadar 900 gallon dalam satu minit ia-itu chukup banyak untuk membekalkan 16,000 orang dengan hitungan pergunaan sa-banyak 40 gallon sa-orang pada sa-hari.

Kekuatan tekanan ayer dalam saloran itu juga menchukupi untuk mengatasi kejadian kebakan jika berlaku ia-itu 26 paun bagi satu inci persegi.

TEMASHA HARI PELAJAR MURID2

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Peminat Bahasa Melayu Pelajar2 Sultan Omar Ali Saifuddin College akan mengadakan satu temasha "Hari Pelajar" di-dewan maktab itu pada 16 December hadapan.

Di-antara achara yang akan di-langsungkan di-temasha itu ia-lah peraduan2 sharahan, bahath, membacha sajak dan nyanyian Melayu asli.

Satu pertandingan akan terbuka kepada orang ramai ia-itu pertandingan nyanyian Melayu asli. Lain2 pertandingan adalah terbuka kepada murid2 sekolah.

Persatuan Peminat Bahasa Melayu Pelajar2 S.O.A.S. College juga akan mempersembahkan sa-buah tablo mengenai pelajar dan tugas-nya terhadap negara, tarian2, lawak jenaka dan ranchangan "Menduga Akal".

Temasha tersebut akan di-adakan pada pukul 2.30 petang dan pada pukul 7.30 malam. Tiket2 berharga \$1.00 untuk orang2 dewasa dan lima puluh sen untuk penuntut2 sedang dijual oleh persatuan tersebut.

Berhubung dengan sambutan tersebut, Inche Muhammad bin Haji Seruddin, Setia Usaha, Persatuan Peminat Bahasa Melayu Pelajar2 S.O.A.S. College menyatakan bahawa tujuan besar mengadakan sambutan itu ia-lah untuk memperkembangkan bahasa Melayu.

Peraduan kebersehan kedai kopi

BANDAR BRUNEI. — Satu peraduan kebersehan kedai2 kopi di-sini telah di-adakan baharu2 ini di-bawah anjoran sharikat Lever Brothers (Malaya) Ltd.

Pemenang2 peraduan itu adalah saperti di-bawah ini:—

Pertama — Kedai Kopi Hai Guan. Kedua — Kedai Kopi Chuan Guan. Hadiah2 khas — Kedai2 Jing Chew, Sir. Tai Peng, Wah Chuan dan Lai Wah.



Pekerja2 Pejabat Kerja Raya duduk di-atas saloran ayer daripada getah sa-belum saloran itu di-benamkan di-dalam Sungai Brunei pada 15 November lepas.

D. Y. M. M. SAMPAIKAN BINTANG2 KEBESARAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah menyampaikan bintang dan pingat2 kebesaran yang telah di-anugerahkan pada 23 September tahun ini sa-bagai menyambut hari ulang tahun keputeraan baginda yang ke-44, di-Pasiban Agong, Istana Darul Hana pada 24 November lepas.

Sa-lain dari nama2 yang telah di-umumkan menerima anugerah itu tiga orang lain telah menerima anugerah di-istiadat tersebut.

Mereka itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Mohamed, Penguasa Talikom Brunei, Dato Osman bin Talib dari Persekutuan Tanah Melayu dan Puan M. Lloyd-Dolby,


telah di-jalankan di-Istana Negera Singapura oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara sa-bagai wakil Duli Yang Maha Mulia kerana menyampaikan bintang Darjah Kerabat (D.K.) Darjah Pertama kepada Yang Terutama Yang di-Perutusan Negara Singapura, Inche Yusof bin Ishak.

Pengurniaan bintang itu kepada Inche Yusof telah diumumkan pada hari yang sama dengan pengumuman kurniaan bintang dan pingat2 kepada tiga orang yang tersebut di-atas.

DATO2 SETIA

Dalam gambar di-atas kelihatan tujuh dari sembilan orang yang telah di-kurniakan bintang Dato Setia Negara Brunei.

Mereka itu ia-lah, dari kiri; Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Mohamed Taha, Pehin Jawatan Dalam Awang Mohamed Noor, Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Salleh,



Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Dato Paduka Muda Haji Mohamed Alam, Pehin Dato Perdana Menteri

Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar, Pengiran Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Daud.

Dua orang lagi yang telah di-anugerahkan bintang Dato Setia Negara Brunei itu ia-lah Inche Marsal bin Maun dan Pengiran Ali bin Pengiran Haji Daud.

PEKERMA SETIA

Pingat2 Pekerma Setia Brunei telah di-anugerahkan kepada Pengiran Metassim bin Pengiran Omarali dan Pengiran Haji Buntar bin Pengiran Ja'afar.

Istiadat itu telah di-tamatkan dengan menyampaikan pingat2 lama bekerja kepada 38 orang pegawai kerajaan.



Dato Setia Marsal.

sa-orang wanita Inggeris yang telah lama tinggal di-Brunei dan pernah menjadi juruiring kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

DATO PADUKA

Pengiran Kerma Indera telah di-anugerahkan bintang Dato Paduka Mahkota Brunei, D.P.M.B., Dato Osman bintang Setia Negara Brunei dan Puan Lloyd-Dolby pingat Omar Ali Saifuddin.

Satu istiadat yang berasingan

HADIAH KERANA MA'ALUMAT

BANDAR BRUNEI.—Hadiah sa-banyak \$5,000 sekarang di-tawarkan oleh pulis kepada orang atau orang2 yang memberi ma'alumat supaya dapat ditangkap dan di-hukum orang atau orang2 yang telah menyebabkan kematian Wong Chee Yong berumur 62 dan anak-nya, Wong Siew Keong berumur 5 tahun.

Wong dan anak-nya itu telah di-dapati terbunuh dalam sebuah kedai makan di-Jalan Sultan di-sini pada pagi 18 November lepas. Kedai itu di-punyai oleh Wong Chee Yong.

Hadiah itu mula-nya berjumlah \$1,000 dan telah di-tawarkan supaya orang atau orang2 yang mengetahui kejadian itu memberi ma'alumat kepada pulis.

Baharu2 ini Pesuroh Jaya Pulis Brunei, Tuan A.N. Outram, telah menumunkan bahawa hadiah itu telah di-naikkan kepada \$5,000.



Dato Setia Pengiran. Ali

SIDANG TERIMA USUL KILANG PENAPIS

(Dari muka 1)

Md. Ali ahli yang di-pilih sa-bagai penyokong usul tersebut telah juga menarek perhatian sidang majlis dengan membayangkan apa yang terjadi masa pendudukan Jepun dahulu yang menyebabkan kita susah kerana minyak tidak ada.

"Dengan di-simpan 10% minyak itu tidak akan merugikan Negeri Brunei, kita harus menghalakan fikiran kita pada masa akan datang", tegas Pengiran Ali.

Sa-lain dari usul tersebut Majlis Meshuarat Negeri itu juga telah meluluskan dua usul yang di-chadangkan oleh Pehin Orang Kaya Laksamana ia-itu:—

★ Majlis meshuarat ini membuat ketetapan supaya tempat penapis dan mengeluarkan minyak Seria pada masa ini di-selenggarakan di-Lutong, patut di-pindahkan ka-dalam kawasan negeri Brunei; dan

★ Majlis meshuarat ini mengambil keputusan supaya perjanjian sempadan Sarawak dengan Brunei di-antara Kerajaan Brunei dengan Kerajaan Sarawak, di-berikan kepada ahli2 Majlis Meshuarat Negeri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Md. Taha ahli yang di-pilih, dalam menchadangkan usul-nya yang

pertama itu telah berkata bahawa sudah tiba masa-nya tempat penapis minyak yang ada di-Lutong itu di-pindahkan ka-Brunei kerana untuk kepentingan ekonomi Negeri Brunei tidak berbelah bagi kepada negeri lain.

Beliau menjelaskan, "Dengan pindah-nya penapis minyak yang di-Lutong itu ka-Brunei, orang2 Brunei akan dapat bekerja dan dengan itu mengelakkan pengangguran kepada anak2 Negeri Brunei yang pada masa ini banyak yang tidak mempunyai pekerjaan itu."

PENAPIS MINYAK

Pehin Laksamana menambah kata bahawa sa-belum tempat penapis minyak itu di-pindahkan ka Brunei maka sa-lama itu Brunei menempoh kerugian kerana mengeluarkan hasil-nya pada lain negeri.

"Dalam rancangan ekonomi, kita tidak mahu mengambil yang banyak dan meninggalkan yang sedikit", tegas Pehin Laksamana.

Dua orang ahli yang di-pilih Yang Berhormat Inche Hashim bin Tahir dan Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali telah menyokong usul tersebut menyatakan bahawa chadangan ini ada-lah satu perkara yang sangat penting dalam segi ekonomi negara.

Inche Hashim berkata: "Kalaupun penapis minyak itu ada di-Brunei ra'ayat Brunei akan dapat pekerjaan dan dapat mengetahui hal2 minyak itu. Dan dengan ada-nya itu juga Brunei akan menjadi suatu tempat yang indah dan chantik dan ma'mor keadaan-nya."

ADAKAN PENYIASATAN

Dalam pada itu Tuan Graham telah menchadangkan pindaan supaya kerajaan mengadakan penyiasatan lebeh dahulu sa-belum usul itu di-bawa ka-dalam sidang. Chadangan itu telah dibantah oleh Inche Jamil.

"Saya tidak bersetuju dengan pindaan itu kerana perkara menyiasat bukan-nya tanggungan kerajaan. Itu ada-lah tanggong jawab sharikat," kata Inche Jamil.

Yang Berhormat Inche Manan dan Yang Berhormat Inche Shahbuddin dua orang ahli yang di-pilih telah menegaskan bahawa penyiasatan tidak mustahak di-adakan kerana tiada kena mengena dengan kerajaan melainkan bagi pehak sharikat sahaja.

Satu lagi usul telah di-luluskan oleh majlis. Usul itu di-kemukakan oleh Peguam Negara dan mengenai pembatalan lantakan penchetak kerajaan yang dahulu.

PERUSAHAAN TENUNAN SA-BAGAI PENCHARIAN

Inche Zaini bin Haji Ahmad, sa-orang penuntut Brunei yang baru balek dari United Kingdom telah meneruskan tinjauan-nya terhadap perusahaan Melayu Brunei di desa dan kampung2.

Dalam keluaran ini beliau berpendapat bahawa perusahaan pertununan kain mungkin menjadi satu mata pencharian sa-kira-nya perusahaan itu dapat dimodenkan seperti yang telah di-lakukan di-India. Peninjauan Inche Zaini kali ini ada-lah seperti berikut:

Di-dalam renchana saya yang kedua dalam keluaran yang lalu, sumber2 perindustrian desa yang telah saya katakan ada-lah terdiri dari pertununan, pertukangan tembaga dan besi, perusahaan minyak kelapa dan hasil2 dari kelapa, perusahaan hasil2 mengkuang, pandan dan bamboo, dan perusahaan belachan.

PERINDUSTRIAN

Walau pun tidak di-sebutkan dalam renchana saya yang sudah2 di-dalam renchana ini ingin saya menambah sumber2 perindustrian itu dengan membuat perkataan "perusahaan perak".

Sekarang, mari-lah bersama menchari jalan bagaimana kita boleh memperbaiki perusahaan2 tersebut di-dalam expedasi kita meninggikan taraf hidup ra'ayat di-dalam ertikata yang sa-benar-nya.

Dari penyelidekan kasar yang saya telah lakukan di-beberapa buah kampung2 baharu ini, saya tidak dapat menchari tarikh yang tertentu bila dan dari mana perusahaan pertununan itu sa-benar-nya berpuncha.

Tetapi, sa-bahagian besar dari penduduk2 di-kampung2 tadi mengatakan bahawa tidak kurang dari dua abad sudah lama-nya perusahaan pertununan itu berakar umbi di-tengah masyarakat wanita Brunei, dan datang-nya dari tanah besar nusantara, ia-itu pulau Jawa.

KETERANGAN2

Lanjutan dari keterangan2 yang saya kumpulkan itu ia-lah bahawa pertununan konon-nya pernah menjadi satu perusahaan agong dan mendapat tempat yang istimewa di-kalangan orang2 atasan di-negeri ini.

Dari keseluruhan penyelidekan saya itu, dapat-lah saya satu kesimpulan bahawa pertununan bukan-lah satu daripada beberapa pekerjaan ra'ayat biasa, tetapi pertununan ada-lah satu pekerjaan yang terbatas kepada wanita Brunei tingkatan atasan sahaja.

Dengan kata lain, pertununan ada-lah perusahaan wanita

kita dan pada sa-ketika dahulu pernah menjadi satu ujian kasta masharakat, ia-itu gadis2 yang ternama dan berdarah istimewa sahaja yang mengetahui chara2 bertunun itu.


Dari sudut kesenian nasional pula, pertununan lebeh dari perusahaan; dia ada-lah salah satu dari beberapa chara manusia di-daerah kita ini menjelmakan perasaan jiwa mereka. Ini dapat kita sukut dari susunan benang emas yang berwarna warni itu, yang sa-akan2 menggambarkan satu lukisan penghidupan manusia yang dipengaruhi oleh suasana alam di-sekitar-nya.

Umpama-nya, chuba kita lihat warna benang kekuningan yang selalu-nya di-sulamkan di-

kampung2 ini tidak bagitu terator pula chara produksi-nya, dan keadaan keseluruhan perusahaan itu tidak-lah dapat menjamin penghidupan orang2 yang menguruskan-nya. Kesimpulannya, perusahaan pertununan di-negeri Brunei ini dapat-lah di-katakan seperti pepatah Melayu, "hidup segan mati tak mahu."

Mithalan di-bawah ada-lah untuk pertimbangan dan renongan bersama.

Bagi menghasilkan sa-bidang kain tenun yang berharga lebeh kurang \$70, sa-orang yang mengusahakan-nya terpaksa mengambil masa lebeh kurang 20 hari lama-nya. Kalau dihitong masa bekerja, maka yang mengusahakan tadi telah



Barang2 perak kasil perusahaan tukang2 perak Brunei ada-lah menjadi salah satu dari lambang2 kesenian tangan orang2 Melayu Brunei. Barang2 perak itu di-perdagangkan melalui suatu pusat khas dengan harga-nya di-kawal oleh kerajaan.

satengah2 kain tenun itu. Warna kekuningan ini, seperti telah di-ma'alumi bersama, ia-lah warna senja, warna penghias dan pengiring sang suria ka-alam kita ini.

Rengkas-nya, segala gerak geri sandiwara hidup manusia di-alam ini mendapat tempat yang tertentu di-medan pertununan, yang pada akhir2 ini sudah pudar dan lenyap kepentingan-nya.

Di-Brunei pada masa ini chuma ada tiga empat buah kampung sahaja yang penduduk wanita-nya maseh menjalankan perusahaan pertununan itu. Kampung2 itu ia-lah; Kampung. Bukit Salat, Kampung Lurong Sikuna, Kampung Sungai Kedayan dan Kampung Sumbiling Lama.

Perusahaan pertununan yang sedang di-jalankan di-kam-

pengambil masa sa-banyak 20 hari kali 7 jam sa-hari, yang bererti berjumlah 140 jam sa-bidang kain.

Mengikut perhitongan kasar pula, maka tiap2 sa-jam yang telah di-korbankan oleh si-penunun tadi, maka ia-nya hanya mendapat upah sa-banyak \$3.50 sa-hari atau 50 sen sa-jam.

PERKIRAAN

Perkiraan ini harus di-ingat, belum lagi kita pertolakkan modal bagi mengeluarkan sa-bidang kain tenun itu. Kalau dilakukan, maka sudah tentu $\frac{1}{4}$ dari harga yang telah di-taksir ($\frac{1}{4}$ dari 70) itu di-untukkan bagi modal, yang bererti \$52.50 sahaja bukan-nya \$70.00 lagi.

Kalau demikian dapat-lah saya katakan bahawa perusahaan pertununan ini ia-lah satu sumber perindustrian desa

yang dapat, kalau di-permode-renkan, memberi jaminan hidup kepada ra'ayat Brunei.

Sebab, kalau di-hitong panjang dapat-lah di-pastikan bahawa sa-orang penunun bisa mendapat upah sa-banyak \$1.50 sa-hari, atau \$45.00 sabulan. Boleh di-katakan bahawa pertununan di-sini sudah menjadi salah satu mata penghidupan yang bisa di-selenggarakan oleh kaum wanita kita di-kampung2 tersebut tadi.

PATUT DI-BUAT

Sekarang apa yang patut di-perbuat? Dari analisa yang baharu sahaja di-terangkan tadi, kita sudah agak-nya mempunyai kepercayaan bahawa soal-nya sekarang ini ia-lah menchari jalan bagi memperbaiki chara meninggikan penghasilan perusahaan pertununan itu. Yang harus kita ikhtiar-kan ia-lah, mengurangkan masa bagi menghasilkan sa-bidang kain tenun tadi. Bagaimana chara-nya mengurangkan masa 20 hari itu.

Bagi menjawab-nya saya usulkan supaya tenaga produksi perusahaan pertununan itu di-permoderenkan. Sekarang semua itu kuno sifat dan bentuk-nya, dan tidak ada sedikit pun unsur2 modern di-dalam-nya.

Bagaimana kalau saya katakan tenaga produksi itu diganti dengan mesin2, dengan tidak mengorbankan unsur2 seni, seperti yang di-lakukan di-India masa ini. Saya percaya dengan di-adakan unsur2 teknis di-dalam perusahaan pertununan itu, maka soal penghailsan-nya akan berlipat ganda, dan justeru-nya pendapatan sa-orang yang mengusahakan-nya.

PERTUNUNAN

Di-dalam chara mempermoderenkan produksi ini, dan kesan2 yang di-bawa-nya di-dalam lapangan pertununan, dapat-lah kita sama meninjau keadaan perusahaan itu di-India sa-belum dan sa-sudah Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang kedua-nya itu diselenggarakan.

Sa-belum rancangan pembangunan lima tahun-nya itu di-selenggarakan, pertununan di-India hanya menghasilkan sa-banyak 1,000 juta ela kain. Tetapi, sa-sudah rancangan lima tahun yang kedua itu di-selenggarakan, pertununan di-India telah menghasilkan sa-banyak 3,000 juta ela kain tenun, yang membawa pekerjaan tetap kepada tidak kurang 11 juta orang ra'ayat India.

Jelas-lah pada pendapat saya bahawa perusahaan pertununan bukan sahaja menjadi sumber penghidupan desa India, namun juga telah dapat

(Lihat muka 5)

Penjelasan rang Undang2 Kebangsaan

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Penerangan Negara, Brunei telah memberi satu cheramah berhubung dengan Rang Undang2 Kebangsaan negeri ini di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah pada petang 25 November yang lalu.

Dalam cheramah-nya yang mengambil masa hampir2 sa-jam, Dato Setia Pengiran Yusuf menerangkan bahawa sa-barang orang yang bukan ra'ayat Sultan yang di-peranakkan dalam Negeri Brunei ada-lah berhak membuat permohonan untok di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia dengan menurut kapada sharat2 yang terkandung dalam Rang Undang2 Kebangsaan negeri ini.

Orang yang sa-demikian itu, mesti telah tinggal dalam Negeri tidak kurang dari dua belas tahun dalam masa lima belas tahun sa-belum ia membuat permohonan.

TINGGAL 2 TAHUN

Orang2 tersebut di-sharatkan juga mesti tinggal dalam negeri ini sa-lama dua tahun terus menerus sa-belum tarikh membuat permohonan-nya.

Sa-lanjut-nya Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Mohamad Yusuf menerangkan bahawa tidak akan di-kira masa dalam lima belas tahun sa-belum orang itu membuat permohonan sa-kira-nya orang itu berada di-luar negeri kerana :—

- ◆ melanjutkan pelajaran-nya dengan kebenaran Sultan dalam Majlis Meshuarat, atau
- ◆ menjalankan kewajipan-nya bagi pehak negeri ini, atau pun menjalankan kewajipan-nya dalam perkhidmatan Baginda Queen.

Berkeuaan dengan orang2 yang tidak berhak mendaftar sa-bagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia, Dato Setia Pengiran Yusuf berka-

ta bahawa tidak sa-siapa pun berhak untok di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Sultan, melainkan orang itu dapat :—

- ◆ memuaskan hati Duli Yang Maha Mulia ia-itu ia boleh berchakap bahasa Melayu, dan
- ◆ memuaskan hati Duli Yang Maha Mulia yang ia mempunyai perangai yang baik, dan
- ◆ mengangkat sumpah ta'at setia kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan Pegganti2-nya, menurut undang2.

ORANG BISU

Sa-kira-nya orang2 tersebut tidak dapat berchakap bahasa Melayu dengan memuaskan hati Duli Yang Maha Mulia, ia berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat baginda sa-kira-nya ia tidak dapat berchakap bahasa Melayu itu di-sebabkan oleh kechachatan anggota, atau bisu atau pun pekak.

Orang2 dari puak2 Belait, Bisayah, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut atau pun Tutong ada-lah ra'ayat Duli Yang

Maha Mulia mengikut perjalanan undang2.

Sa-lain dari itu, sa-barang orang yang di-peranakkan dalam mana2 negeri ada-lah berhak menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia sa-kira-nya ayah-nya telah menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia sa-chara pendaftaran atau perjalanan undang2.

BUKAN RA'AYAT

Dato Setia Pengiran Yusuf berkata lagi bahawa barang sa-siapa pun yang bukan menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia, boleh menjadi ra'ayat baginda kalau orang itu menukar taraf kebangsaan-nya dengan memuaskan hati baginda menurut sharat2 yang di-bawah ini :—

- ◆ orang itu mesti-lah tinggal dalam negeri ini sa-lama dua puluh tahun daripada dua puluh lima tahun sa-belum tarikh membuat permohonan-nya, dan
- ◆ telah tinggal terus menerus dalam negeri ini sa-lama dua tahun sa-belum tarikh permohonan-nya, dan
- ◆ mempunyai perangai yang baik, dan
- ◆ tidak akan menjadi satu bebanan kapada negeri ini, dan
- ◆ boleh berchakap bahasa Melayu dengan chekap, atau jika ia tidak dapat berbuat demikian oleh sebab anggota-nya chachat, ia bisu atau pun pekak, dan
- ◆ telah membuat satu perishti-haran untok tinggal tetap dalam Negeri Brunei.

Dalam jawapan-nya terhadap so'al-an yang di-kemukakan oleh para hadhirin, Dato Setia Pengiran Yusuf berkata bahawa orang2 Iban atau Dayak, China dan lain2 bangsa sa-lain daripada orang2 dari puak2 Belait, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut atau Tutong boleh menjadi warga negara Brunei mengikut sharat2 yang terkandung dalam Rang Undang2 Kebangsaan itu.

MENTERI RASMIKAN PEMBUKAAN BANK

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Haji Ibrahim telah mengishti-harkan pembukaan Malayan Banking Limited di-sini pada 28 November lepas.

Istiadat itu telah di-hadhiri oleh Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White, pengarah2 bank tersebut dan para jemputan dari segala lapisan pendu-dok.

Dalam ucapan pembu-kaan-nya Dato Seri Pa-duka berkata:

“Dengan penubohan bank ini, maka terbukti-lah bahawa Brunei sedang maju ka-hadapan dalam lapang-an perniagaan. Saya harap bank ini akan memberi faedah kapada pendu-dok2 negeri ini terutama-nya kalangan perniagaan.”

Sa-lepas istiadat pembu-kaan para jemputan telah di-raikan dalam satu majlis di-bangunan bank itu.

JADUAL POS CHRISTMAS

BANDAR BRUNEI. ... Tarikh2 yang sa-habis akhir untok mengirim surat dan card2 Christmas melalui pos udara ka-negeri2 yang di-bawah ini ada-lah saperti berikut:

Australia, 14 December; Hong-kong, 13 December; Ceylon, 15 December; India, 13 December; Borneo Utara dan Sarawak, 20 December; United Kingdom dan Amerika Sharikat 10 December; Singapura dan Malaya, 17 December.

ASAL USUL PERUSAHAAN TEMBAGA NEGERI BRUNEI

(Dari muak 4)

menyelesaikan soal pengangoran di-India di-masa ini.

Dari dalil2 ini, dan mengikut pertimbangan saya, maka pertunanan di-Brunei sini juga akan dapat menjamin sara hidup ra'ayat desa khas-nya dan jelata umum-nya, dan ada juga kemungkinan-nya dapat menyelesaikan pengangoran yang kian hari bertambah banyaknya di-negeri ini.

MEMPERBAIKI

Sa-sudah serba sedikit dapat meninjau keadaan perusahaan pertunanan di-negeri ini, dan telah juga mengusulkan beberapa chara yang bisa memperbaiki serta menambah hasil2 pertunanan itu, sekarang mari-lah bersama meninjau perusahaan2 tembaga dan besi di-negeri ini, dan mengemudiankan soal perusahaan2 minyak kelapa, mengkuang dan pandan tadi untok sementara waktu.

Saperti pertunanan, bagitu juga perusahaan tembaga dan besi tadi, tidak dapat di-chari asal usul-nya datang ka-negeri ini.

ASAL USUL

Ada sa-tengah orang tua mengatakan bahawa perusahaan tembaga itu datang-nya dari Banjermasin di-Kalimantan Indonesia, dan sedangkan besi itu memang berakar umbi di-negeri ini, mereka mengatakan bahawa umur-nya perusahaan besi itu ada-lah sama sahaja dengan lama-nya orang Melayu menghuni pulau Kalimantan ini.

Sebab, kata mereka orang Melayu itu ada-lah besi dan besi itu ada-lah Melayu.

Bagaimana pula hal-nya sa-ya hendak mengetahui bila-kah orang2 Melayu itu sampai kapulau Kalimantan ini, biar-lah soal ini di-selesaikan oleh ahli2 keturunan bangsa untok menentukan-nya, dan bukan-nya pada saya atau pun yang lain-nya.



Rupa peti rokok buatan tukang2 perak Brunei yang telah di-hadiahkan oleh Kerajaan Brunei kapada Yang Terutama Yang di-Pertuan Negara Singapura Inche Yusof bin Ishak sa-bagai chendera mata kenangan lawatan beliau ka-Brunei dalam bulan September lepas.

Kedudukan wanita berubah mengikut masa

BANDAR BRUNEI. — Rencana di-bawah ini telah di-petek dari siaran2 Pusat Penerangan Pejabat Tanah Jajahan, London, dan membayangkan tugas2 yang di-jalankan oleh sa-orang isteri yang mempunyai beberapa orang anak kecil.

Rencana ini juga mengkesahkan kebijaksanaan isteri itu membahagikan masa-nya di-rumah mendidik dan menjaga anak2-nya serta melayan suami-nya dengan tujuan supaya keluarga-nya hidup dengan rukun, damai dan gembira.

Kedudukan wanita di-dunia ini telah banyak berubah dan terus berubah sa-hinggakan ka-dang2 ada baik jika sa-saorang itu menong dan memikirkan apa-kah yang di-buat oleh wanita di-seluruh dunia pada hari ini dan apa-kah sebab2-nya maka mereka berbuat demikian.

Tempat kejadian ini berlaku ia-lah di-sabua bandar kecil di-England, di-sabua rumah kecil di-suatu lorong dengan rumah2 kecil di-kiri kanan-nya dan sa-akan2 sama bentok bangunan-nya.

Waktu-nya ia-lah pukul 6.30 pagi. Jam yang di-lengkapkan dengan locheng alarum itu telah mengejutkan keluarga Green dari tidor supaya bersedia untuk menjalankan kewajipan masing2 bagi hari itu.

Tetapi Puan Green, sa-orang isteri yang maseh muda remaja sudah pun bangun lebeh dua jam dahulu apabila anak kecil-nya yang bernama Bobby, berumur enam bulan, bangun dan memaksa ibu-nya bangun bersama. Puan Green telah tertidor lagi sa-lama satu jam dan berasa tidak mahu bangun dari tidor-nya.

KEDENGARAN

Tuan Green tahu bahawa apabila kedengaran bunyi jam itu ia mesti-lah bersiap dengan lekas jika ia hendak sampai ka-kilang tempat bekerja mengikut jadual. Ia pun menanakkan cherek ayer, berchukor dan membersehhkan muka-nya.

Puan Green masak ka-dalam sa-buah bilek lain melayanj dua orang anak mereka, Margaret berumur lima tahun dan Joan berumur dua tahun. Di-pakai-kan-nya Joan baju sambil di-bantu oleh Margaret.

Dalam pada itu Tuan Green sudah siap. Ia keluar dari dapur membawa sa-mangkok teh, susu dan gula, sa-bagaimana yang di-sukai oleh isteri-nya.

"Bobby bangun awal lagi pagi

SUMPAH TA'AT SETIA

BANDAR BRUNEI. — Sumpah ta'at setia bagi orang2 yang hendak menukar taraf kebangsaan menjadi ra'ayat British di-jalankan di-negeri ini.

Sumpah ini boleh di-jalankan oleh mana2 magistrate yang dilantek mempunyai kuasa dalam negeri.

dan di-jaga dengan baik.

Sa-sudah Puan Robinson beredar, Puan Green pun menyediakan makanan tengah hari untuk Joan (Margaret makan di-sekolah-nya) dan ini memakan masa juga, kerana Joan maseh mesti di-jaga tatkala ia makan supaya makanan2 yang di-perlu-kan-nya di-habiskan-nya. Sa-lepas itu tiba-lah pula masa-untuk memberi bayi makan. Jadi Puan Green hanya sempat makan tengah hari sa-chara rengkas sahaja.

Di-waktu tengah hari ia akan meletakkan anak2-nya di-tempat tidor supaya mereka dapat rehat sa-lama sa-jam lebeh kurang dan tatkala itu ia akan menggosok baju dan menjahit pakaian2 yang koyak serta mendengar ranchangan khas radio bagi kaum ibu yang di-siarkan pada tiap2 hari.

Tiba2 Margaret menerpa maseh. Ia baharu sahaja pulang dari sekolah dan beria2 benar mahu mencheritakan hal2 yang di-buat-nya sa-hari2 di-sekolah. Emak dan adek perempuan-nya gembira mendengar-nya.

Anak2 itu tertunggu2 akan ketibaan bapa mereka, kerana lepas makan, ia akan mencheritakan cherita2 untuk anak2 di-tempat tidor.

Akhir-nya tiba-lah masa bagi Tuan Green dan isteri-nya menemati masa berehat sedang anak2 mereka tidor nyenyak.

Pada pukul sa-belas mereka pun mengunchi pintu, memadamkan lampu2 dan dengan mengantok-nya naik ka-tengkat atas menuju ka-tempat tidor. Puan Green tahu kerana tidak berapa lama lagi jam locheng akan berbunyi sa-mula untuk menandakan bahawa satu hari lagi akan munchul untuk-nya dan beribu2 orang suri rumah-tangga saperti-nya di-seluruh negara.

ini, tidak-kah awak terjaga mendengar-nya?" kata Puan Green kepada suami-nya.

"Entah-lah saya tidak sedar. Saya makan dua biji aspirin kerana kepala saya pening malam sa-malam. Itu-lah sebab-nya saya tidor nyenyak," jawab Tuan Green.

Puan Green berasa hairan ada-kah orang laki2 pernah sedar apabila kanak2 menangis pada malam hari. Tetapi fikir-annya tidak melayang kerana ia terpaksa menghadapi tugas2-nya bagi hari itu. Ia segera bersalin pakaian-nya lalu menyediakan makanan pagi untuk keluarga-nya dan membuat sandwiches untuk di-bawa oleh suami-nya sa-bagai makanan tengah hari di-tempat bekerja.

GOPOH GAPAH

Tuan Green dengan gopoh gapah keluar dari rumah sngoh pun isteri dan anak2-nya belum selesai makan pagi.

Sa-lepas itu Margaret pula meninggalkan rumah. Ia mesti sampai ka-sekolah sa-belum pukul sembilan. Sa-sudah sahaja ia pergi Puan Green pun menarek nafas panjang—selesai sudah kerja sibok yang pertama.

Kemudian ia menchuchi pinggan mangkok, memberi makan dan memandikan bayi dan kemudian meletakkan-nya di-perkarangan rumah supaya ia dapat udara berseh sambil tidor dalam kereta bayi.

Puan Green berharap bayi itu akan tidor dengan nyenyak-nya ia hendak membuat kerja2 lain. Mula2 sa-kali ia-lah menchuchi kain baju yang bertimbun2 itu. Kemudian di-bawa-nya anak-nya keluar berjalan ka-pasar membeli belah habuan esok hari.

Dalam perjalanan balek karumah, tatakala ia sedang menyorong kereta bayi itu, ter-nampak oleh-nya Puan Robinson ia-itu sa-orang Pegawai Pelawat Kesehatan sedang menunggu ditangga rumah-nya.

PERTOLONGAN

Puan Robinson ia-lah sa-orang jururawat kerajaan yang terlatah untuk memberi pertolongan dan nasihat kepada ibu2 yang memerlukan-nya. Mereka berdua sudah pernah berkenalan kerana mereka sudah bertemu di-klinik kanak2 yang Puan Green kerap kali membawa anak2-nya. Lawatan ini ia-lah untuk bebual2 sahaja kerana Puan Robinson tahu bahawa kanak2 keluarga Green semua-nya sehat

SIARAN BAHARU RADIO BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Radio Brunei, Bahagian Melayu sedang mengadakan satu ranchangan yang baharu, ia-itu "Apa-kah pendapat tuan2?", sa-bagai menggantikan ruangan "Dugaan akal".

Ranchangan baharu itu adalah di-selenggarakan bersama oleh Inche Yusof bin Haji Abdul Kadir dan Dayangku Meriam binti Pengiran Metali.

Para peserta ada-lah di-minta menulis karangan yang bertajok, "Manakah satu yang lebeh baik di-utamakan bahasa Melayu-kah atau bahasa Inggeris?".

Panjang tiap2 karangan hendak-lah tidak lebeh daripada 100 perkataan dan tarikh akhir bagi menghantar karangan itu ia-lah pada 8 December.

Pemenang yang pertama akan di-beri hadiah sa-banyak \$10 dan yang kedua \$5.

Radio Brunei, Bahagian Melayu akan memancharkan lima buah karangan2 yang baik sakali pada pukul 8 malam 12 December.

Lawatan Duta Persekutuan

BANDAR BRUNEI. — Inche Senu bin Abdul Rahman, Duta Besar Persekutuan Tanah Melayu di-Indonesia telah melawat ka-Negeri Brunei sa-chara tidak rasmi sa-lama dua hari baharu2 ini.

Inche Senu dan Inche Abdul Hamid telah berangkat ka-Jesseltan dengan kapal terbang dari Brunei. Sa-lepas berada di-sana telah singgah di-Brunei sa-lama sa-tengah jam dalam per-nembangan balek ka-Malaya.



Bahagian pemudi Persatuan Palang Merah Balaif/Seria ada-lah di-katakan lebeh chekap dari bahagian pemuda dalam serba lapangan. Bahagian itu telah memenangi sa-buah perisai kerana jasa2nya dalam tahun ini. Perisai itu telah di-hadiahkan oleh Tuan P. A. Coates, sa-orang pegawai sharikat minyak Brunei Shell. Istiadat menyampaikan perisai itu telah di-jalankan di-Seria oleh Pesuruh Jaya Tinggi British, Yang Terutama Tuan D. C. White, dan telah di-terima oleh dua orang ketua bahagian pemudi, Miss Chiew Kwan Mei (kanan) dan Miss Susanna Goh, kiri.

Keputusan peraduan tinju Brunei dan Labuan

SERIA. Negeri Brunei telah mengalahkan Labuan dalam pertandingan tinju yang hebat dengan 6 perlawanan berbalas 3 di-dewan Anthony Abell College, Seria pada malam 19 November yang lalu.

Tiap2 perlawanan mengandongi tiga pusingan sa-lama 2 minit satu pusingan.

Pertandingan itu telah di-ke-lolakan oleh Jawatan Kuasa Kumpulan Pasokan Pengakap Yang Pertama Seria dan di-bawah anjoran Persatuan Tinju Negeri Brunei.

Jawatan Kuasa itu telah juga menguruskan tiga perlawanan antara ahli2 tinju tempatan pa-pa malam tersebut.

Tujuan mengadakan pertandingan tinju itu ia-lah untuk membantu tabong derma Kumpulan Pasokan Pengakap Seria.

KEPUTUSAN KRIKET

SERIA.— Pasokan champoran sekolah2 di-Jesselton telah mengalahkan Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell, Seria dalam satu pertandingan kriket di-Jesselton tidak berapa lama dahulu dengan 131 lari berbalas 92 lari.

Perlawanan yang pertama telah di-adakan di-Seria pada bulan July 8 tahun lepas di-antara murid2 sekolah dari Sandakan dan murid2 sekolah tempatan.

Dalam pertandingan kriket yang telah di-adakan di-Jesselton itu pasokan murid2 Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell telah mendapat 57 lari pada hari yang pertama dan 35 lari pada hari yang kedua.

Pasokan 8 champoran sekolah2 di-Jesselton itu telah mendapat 44 lari pada hari yang pertama dan 87 lari pada hari yang kedua.

Di-antara ramai para penonton di-temasha itu ia-lah Pesuruh Jaya Tinggi United Kingdom di-Brunei Yang Terutama Tuan D. C. White, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed dan pembesar2 tempatan.

DUA PIALA PERAK

Razak Lamit dari Brunei telah mendapat hadiah dua buah piala perak yang besar. Sa-buah ia-lah kerana mengalahkan Arturo Azcona dari Seria dalam bahagian mosquito-weight dan sa-buah lagi kerana ia berjaya menchapai gelaran pemenang yang terbaik sa-kali.

Matusin dari Labuan yang telah di-kalahkan oleh Lim Siang Wah dari Seria dalam bahagian feather-weight telah mendapat hadiah piala perak untuk ahli tinju yang kalah yang terbaik sa-kali di-temasha tersebut.

Hadiah2 kepada semua orang yang berjaya dan juga yang ti-

dak berjaya telah di-sampaikan oleh Yang Terutama Tuan D. C. White dan keputusannya adalah seperti berikut:—

Fly-weight: (1) Johnnis Damit (Seria) mengalahkan Joanas Lingam (Labuan), (2) Yunoss (Bandar Brunei) mengalahkan Nelson Desouza (Labuan), dan (3) Timbang (Bandar Brunei) di-kalahkan oleh Lestor Kelly (Labuan).

Bantam-weight: (1) Ali Noor (Kuala Belait) mengalahkan Sunny Quay (Labuan) dan (2) David Brown (Seria) di-kalahkan oleh Zalani (Labuan).

Feather-weight: (1) Lim Siang Wah (Seria) mengalahkan Matusin (Labuan), (2) Ahmad Rashid (Bandar Brunei) mengalahkan Kelly Osman (Kuala Belait) dan (3) Momin (Bandar Brunei) mengalahkan Teo Eng Kian (Labuan).

LIGHTWEIGHT

Light-weight: (1) A.K. Bakar (Seria) di-kalahkan oleh Woo Chin Wah (Labuan), (2) Razalli (Seria) mengalahkan Mohamed Noor (Labuan) dan Yahaya (Bandar Brunei) di-kalahkan oleh Jimmy Tan (Labuan).

Mosquito-weight: Razak Lamit (Bandar Brunei) mengalahkan Arturo Azcona (Seria).

DUA GOL SATU PASOKAN DALAM PERTANDINGAN BOLA SEPAK

SERIA — Kuala Belait Recreation Club telah seri, 2 gol berbalas 2, dengan Shell Dayak Club di-sini baharu2 ini dalam satu perlawanan bola sepak.

Pemain2 kedua2 pasokan telah bermain dengan pantas dari awal permainan dan pada sa'at yang ke-enam Thomas Dundang telah menjaringkan gol yang pertama bagi Shell Dayak Club.

Sa-lepas itu pemain2 Kuala Belait Recreation Club telah bermain dengan bersungguh2 dan

tidak berapa lama kemudian Pengiran Puteh telah berjaya menjaringkan gol K.B.R.C. yang pertama.

Kemudian pemain2 K.B.R.C. dan S.D.C. telah tidak putus, membuat serangan2 yang hebat dan sa-belum tamat pertengahan pertama Kuala Belait Recreation Club telah memperolehi gol-nya yang kedua menerusi Bichu Ariff.

AHLI TINJU DAN SUKAN PULANG KA-KUCHING

KUALA BELAIT.— Sa-orang ahli sukan yang terkenal di-sini telah balek ka-Kuching, Sarawak pada awal bulan ini setelah tamat perkhidmatannya dengan Pejabat Kerja Raya di-sini.

Beliau ia-lah Inche Raili bin Matshah berumur 28 tahun yang telah mencheborkan diri-nya di-lapangan sukan dan mengambil bahagian dalam lapangan kebajikan masharkt di-sini.

Inche Raili ada-lah terkenal



Inche Raili b. Matshah.

di-medan bola sepak sa-bagai sa-orang penjaga gol yang chekap, dan telah menjadi penjaga gol Kuala Belait Recreation Club sa-lama delapan tahun.

Beliau telah berhenti bermain bagi pasokan K.B.R.C. itu pada masa pejabat-nya menubuhkan sa-buah pasokan bola sepak pada tahun ini.

Sa-lain daripada menumpukan perkhidmatannya di-medan bola sepak, Inche Raili juga terkenal di-medan hokey dan tinju.

Beliau ada-lah terkenal sa-bagai "Kid Raili"

Beberapa hari sa-belum beliau balek ka-tanah ayer-nya, rakan2-nya serta anggota2 Pejabat Kerja Raya di-Kuala Belait telah mengadakan satu majlis jamuan kerana meraikan-nya di-Kuala Belait Recreation Club.

KBRC dan SRC champoran seri dalam bola sepak

KUALA BELAIT. — Kuala Belait Recreation Club telah seri, 1 gol berbalas 1, dengan pasokan champoran Shell Recreation Club dan Panaga dalam pertandingan bola sepak Perisai Higgins, bahagian pertama.

Pertandingan itu telah di-langsungkan di-padang Kuala Belait baharu2 ini dan di-saksikan oleh ramai para penonton.

Hanya 10 orang sahaja telah bermain bagi pasokan champoran Shell Recreation Club dan Panaga dalam separoh masa yang pertama kerana sayap kanan pasokan itu terlambat datang.

Bagaimana pun sa-lepas perlawanan di-sambung sa-mula pasokan champoran itu telah bermain dengan penoh pemain2-nya.

dapat menjaringkan satu gol pun dalam masa pertengahan yang pertama.

Pasokan champoran S.R.C. dan Panaga telah mendapat gol-nya yang pertama apabila Roberts berjaya menembus masuk ka-dalam kubu pertahanan K.B.R.C. 10 minit sa-lepas pertandingan itu bersambung samula.

Tidak berapa lama kemudian, Murni centre forward Kuala Belait Recreation Club telah berjaya mendapatkan gol yang tunggal bagi K.B.R.C. dalam pertandingan tersebut.



Hujan lebat telah membanjiri kawasan sekolah Kampong Katimahar, batu 12 Jalan Tutong baharu2 ini dan ayer telah masuk ka-dalam sekolah. Tetapi keadaan itu tidak mengchohokan guru2 menjalankan tugas mereka mengajar murid2. Klas2 telah di-pindahkan ka-suatu tempat tinggi dan pelajaran di-teruskan juga.

Tengku di-tanya tentang soal Irian Barat

KUALA LUMPUR. — Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman telah enggan memberi tahu akan rancangan-nya untuk menyelesaikan pertelingkahan di-antara Belanda dengan Indonesia mengenai Irian Barat.

Beliau telah di-tanya oleh sa-orang ahli puak pembangkang supaya memberi penerangan ringkas bagaimana beliau berhadang untuk menyelesaikan perkara tersebut.

Tengku menjawab bahawa beliau sudah pun menerangkan apa2 yang beliau berhadang untuk di-terangkan sa-takat ini sa-kembali-nya dari lawatan-nya ka-Amerika dan Eropah.

Tengku yang telah berada di-Hague, Belanda untuk membincangkan perkara Irian Barat dengan kerajaan Belanda, telah berharap bahawa satu persetujuan akan tercapai untuk menghantar satu pasokan atau suroh-anjaya Bangsa2 Bersatu untuk mempelajari keadaan di-kawasan tersebut.

Tengku telah menerangkan kepada pemberita2 akhbar di-lapangan terbang Schipol dekat Amsterdam, sa-belum terbang ka-

Bangkok dalam perjalanan-nya pulang ka-Malaya, bahawa pengumuman bersama Belanda-Malaya yang di-siarkan di-Hague pada hari Juma'at itu tidak bermahawa bahawa Belanda bersedia untuk membiarkan Bangsa2 Bersatu memutuskan soal kedaulatan Belanda ka-atas Irian Barat yang di-tuntut oleh Indonesia.

Sambil Menteri Luar Belanda, Tuan Joseph Luns berdiri di-sabalah-nya, Tengku berkata bahawa pengumuman itu menyatakan kesediaan kerajaan Belanda untuk "meletakkan dasar2-nya di-Irian Barat ka-bawah pemereksaan dan keputusan Bangsa2 Bersatu."

Tengku juga telah berkata di-persidangan akhbar itu bahawa masaalah Irian Barat itu mungkin akan timbul di-persidangan Bangsa2 Bersatu di-tahun hadapan.

Beliau sendiri akan bertemu dengan Menteri Luar Indonesia, Doktor Subandrio apabila pulang ka-Kuala Lumpur dan akan bertemu dengan Perdana Menteri Australia, Tuan Robert Menzies nanti.

Sementara itu Doktor Subandrio menyatakan bahawa Indonesia tidak akan menyetujui penyelesaian atas Irian Barat dibuat melalui "pemereksaan dan keputusan" Bangsa2 Bersatu.

Beliau telah memberi tahu pemberita2 akhbar bahawa hannya ada satu jalan untuk menyelesaikan perkara tersebut ia-itu dengan memindahkan kuasa pertadbiran kawasan itu dengan lekas-nya dari pihak Belanda kepada pihak Indonesia.

Doktor Subandrio baharu sahaja pulang dari lawatan-nya ka-Jepun dan Pakistan.

Doktor Subandrio menyatakan bahawa Indonesia tidak akan

champur tangan atas penghantaran satu rombongan Bangsa2 Bersatu ka-Irian Barat.

Beliau suka menegaskan lagi bahawa perdirian Indonesia adalah tegas ia-itu pemindahan kuasa dengan segera atas pertadbiran kawasan tersebut mesti-lah dilaksanakan.

PENUBOHAN SHARIKAT KAPAL ARAB

KUWAIT. — Pakar2 minyak Arab dalam satu persidangan di-sini telah memutuskan untuk membentok satu angkatan kapal2 tanki minyak yang di-jangka akan memakan belanja sa-banyak 35 juta pound sterling dan beribu pejabat di-sini.

Tuan Mohammed Salmin sebagai ketua rombongan Lembaga Persatuan Arab ka-persidangan tersebut berkata bahawa keputusan itu akan di-serahkan kepada Majlis Tertinggi Lembaga Persatuan Arab yang akan bersidang di-Kaherah pada 7 December.

Jika persetujuan tercapai di-Kaherah, maka ada-lah di-chadangkan supaya 25 peratus dari modal tersebut di-adakan dengan serta merta.

TUAN LEE INGATKAN GURU2 ASING

SINGAPURA. — Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew telah berkata bahawa kebebasan mengajar yang di-beri kepada guru2 bangsa asing di-Universiti Malaya tidak memberi kapada mereka hak2 untuk men-champori gelanggang politik dalam negeri ini.

Tuan Lee telah beruchap kapada Persatuan Penuntut2 Universiti yang terdahulu dari itu telah membuat bangkangan terhadap tindakan kechaman kerajaan ka-atas Mahaguru bahasa Inggeris, Tuan D.J. Enright, kerana membidas dasar kebudayaan pemerintah.

Tuan Lee menyatakan bahawa Singapura maseh berkehendakkan perkhidmatan guru2 bangsa asing untuk mengajar di-Universiti.

Tetapi beliau menegaskan bahawa guru2 asing mesti-lah faham akan keadaan2 yang telah bertukar mengenai ra'ayat dan negeri ini.

Soal sempadan India/China

NEW DELHI. — Perdana Menteri India, Tuan Nehru telah memberi amaran lagi bahawa India akan menembak jatoh kapal2-terbang China Komunis jika mereka menchabul kawasan udara India.

Beliau telah memberi tahu parlemen bahawa jika dengan nasib yang tidak baik sa-kali peperangan berlaku di-antara India dan China, maka ia-nya akan menjadi satu perkara yang amat dahshat.

Ketua India itu berkata bahawa pertelingkahan sempadan di-antara India dan China ada-lah satu perkara yang berat dan penting dan juga menjadi satu daripada perkara2 yang penting yang di-hadapi oleh India.

Tuan Nehru telah mengeneppikan anggapan puak2 pembangkang bahawa pemberontakan sempadan oleh puak China dalam tahun ini ada-lah memberi kesan kapada keadaan seluruh-nya.

"PERSIDANGAN BANDUNG MUSTAHAK DI-ADAKAN" DR. SUBANDRIO

CALCUTTA. — Menteri Luar Indonesia, Doktor Subandrio telah menegaskan betapa mustahak-nya untuk mengadakan persidangan Bandung yang kedua jika memandang kapada kejadian2 yang baharu2 ini berlaku di-Congo.

Doktor Subandrio memberi tahu pemberita2 akhbar di-lapangan terbang Calcutta dalam perjalanan-nya ka-Karachi, bahawa kedudukan di-Congo sudah menjadi tenat untuk membolehkan bagi mengadakan satu persidangan di-antara bangsa2 Afro-Asia.

Kesusahan2 atau pertelingkahan2 bersama yang di-katakan itu, jika ada, mesti-lah jangan

menghalang untuk mengadakan satu2 persidangan tersebut yang boleh membincang perkembangan2 bukan sahaja di-Asia atau Afrika tetapi juga di-seluruh dunia.

Beliau menyatakan bahawa beliau harap langkah2 akan di-ambil untuk mengadakan persidangan tersebut.

PEMIMPIN2 CONGO MENCHAPAI PERSETUJUAN PANDANGAN

LEOPOLDVILLE, Congo. — Perdana Menteri Congo yang di-lantek oleh President Kasavubu, Tuan Joseph Ileo dan Perdana Menteri Daerah Katanga yang berpisah, Tuan Moise Tshombe telah menchapai satu persetujuan yang sama di-atas beberapa masaalah pandangan.

Satu pengumuman bersama yang di-siarkan telah menyatakan bahawa mereka telah bersetuju untuk mengadakan persidangan meja bulat pada bulan hadapan.

Persidangan itu telah di-adakan di-Elizabethville, ibu Kota negeri Katanga.

Rombongan Tuan Ileo berkata bahawa mereka datang ia-lah untuk mengesa Tuan Tshombe supaya menghantar wakil2 Katanga untuk mengambil bahagian dalam persidangan parlemen pusat. Nampak-nya mereka sekarang sudah beralah bahawa rangka politik di-Congo mesti-lah di-selesaikan dahulu saperti yang biasa di-tuntut oleh Tuan Tshombe.

Di-Paris, President Kasavubu telah memberi tahu pemberita2 akhbar bahawa tujuan Surohanjaya Perdamaian Bangsa2 Bersatu mesti-lah putuskan dahulu.

Beliau mengulangi lagi chadangan-nya hendak mengadakan satu persidangan meja bulat untuk semua ketua2 Congo, dan ini termasuk-lah Tuan Patrice Lumumba dan Tuan Tshombe. Beliau menambakkata bahawa bangsa Congo tidak akan tundok kapada pengarah2 bangsa asing walau pun dari negara2 Afrika.

Di-Leopoldville, Bangsa2 Bersatu telah membuat satu bantahan keras kapada pihak berkuasa tentera Congo berkenaan dengan kechurian yang berlaku ka-atas kereta2 Bangsa2 Bersatu sa-lepas pertemporan pada hari Ithnin. Tentera2 Congo telah melarikan lebeh kurang 60 buah kereta2 Bangsa2 Bersatu.

Tuan Kasavubu telah menarek sa-mula larangan-nya bagi pasokan Surohanjaya Perdamaian itu melawat Congo sa-lepas bersidang sa-lama dua jam dengan Setiausaha Agong Bangsa2 Bersatu.